

## **MAKLUMAT UNTUK PESERTA/ PESAKIT**

### **Tajuk Penyelidikan: WORKPLACE SMOKING CESSATION: SMOKING RELAPSE, SUSTAINED CESSATION AND BEHAVIOURAL ATTRIBUTES FOLLOWING A QUIT ATTEMPT**

**Nama Penyelidik:** Dr Siti Munira Binti Yasin

**Penyelia penyelidikan:** A/P Dr Retneswari Masalamani  
Dr Moy Foong Ming

**Lokasi Penyelidikan:** University Malaya, Kuala Lumpur & Universiti Teknologi MARA

**Sila baca maklumat berikut dengan teliti dan tanya sekiranya tidak faham**

#### **Pengenalan**

Penggunaan tembakau adalah pencegah kematian dan kesakitan yang utama. Ia adalah penyebab kepada penyakit jantung, barah paru-paru, penyakit saluran darah, penyakit saluran pernafasan, yang telah menyebabkan 1.2 juta kematian setahun, menurut WHO (World Health Organization).

#### **Apakah tujuan penyelidikan ini?**

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan memahami tabiat perokok dalam usaha untuk mencegah penggunaan rokok di Malaysia. Kajian ini akan terdiri daripada kombinasi rawatan ubat gantian nikotin dan kaunseling.

#### **Apakah prosedur yang perlu diikuti?**

Ada tatacara tertentu yang perlu diikuti oleh peserta . Setiap peserta dikehendaki menyertai penyelidikan ini selama 6-9 bulan. Dalam masa 6- 9 bulan tersebut, peserta dikehendaki:

1) Menghadiri 4 sesi individu kaunseling/ rawatan dengan penyelidik dan telefon

Peserta dikehendaki menghadiri 4 sesi dalam masa 3 bulan pertama. Di dalam setiap sesi tersebut, peserta akan diberikan satu set ubat baru dan nasihat berkenaan kaedah berhenti merokok. Setiap sesi akan mengambil masa lebih kurang 10-20 minit, pada tarikh yang ditetapkan. Beberapa ukuran/ ujian akan diambil dalam setiap sesi , iaitu berat badan, ujian pernafasan (“peak flow meter” dan “carbon monoxide breath test”).

**Kehadiran ke temujanji sesi adalah amat penting** and berkait rapat dengan keberkesanan rawatan. Peserta yang tidak boleh menghadiri sesi tersebut dikehendaki memberitahu penyelidik lebih awal, dengan memberikan ID number dan tarikh sesuai pada minggu yang sama.

2) Ada beberapa soalan kajiselidik yang perlu diisi oleh peserta, sejujur mungkin.

3) Setiap peserta akan diberikan Diari Berhenti Merokok bagi memantau aktiviti merokok, yang perlu diisi oleh peserta secara tulus.

#### **Kebenaran mengeluarkan maklumat peserta and Kesulitan Rekod**

Semua maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini *akan dirahsiakan*. Orang yang akan mendapat akses kepada maklumat tersebut cumalah Dr Siti Munira (penyelidik), penyelia penyelidikan, wakil etika penyelidikan mengikut undang-undang yang dibenarkan , dan pembantu penyelidik yang akan terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini.

#### **Siapakah yang layak menyertai penyelidikan ini**

Penyelidikan ini adalah terbuka untuk *semua staf University Malaya*. Sekiranya anda memilik criteria di bawah, anda dijemput untuk menjadi peserta:

- 1) Berumur 20 tahun dan ke atas;
- 2) Merokok sekurang-kurangnya 5 batang rokok sehari selama 12 bulan.;
- 3) Ada keinginan untuk berhenti merokok;
- 4) Sanggup untuk mematuhi protokol penyelidikan

termasuk menggunakan kaedah berhenti merokok yang disyorkan dan menghadiri sesi-sesi kaunseling secara konsisten.

Walaupun bagaimanapun, pesakit-pesakit yang memiliki kondisi-kondisi di bawah tidak dinasihati untuk menyertai penyelidikan ini, dan permohonan akan ditolak:

- 1) Penyakit psikiatrik (tengah menggunakan ubat atau dalam susulan rawatan)
- 2) Pernah menghidapi penyakit jantung.

### **Apakah kebaikan yang bakal diperolehi daripada menyertai penyelidikan ini?**

#### **A) Kepada anda sebagai pesakit?**

Peserta akan memahami proses berhenti merokok and kaedah-kaedah untuk mengelakkan daripada terjebak kembali kepada merokok. Di samping itu, sebagai salah satu kaedah rawatan, pesakit akan diberikan ubat **secara percuma** untuk membantu proses berhenti merokok. Peserta dijangka berhenti seawal 1-9 bulan.

#### **B) Kepada Penyelidik?**

Terdapat banyak kebaikan yang bakal diperolehi daripada penyelidikan ini, baik kepada penyelidik mahupun Universiti Malaya dan Kementerian Kesihatan.

- Mengurangkan bilangan perokok dalam populasi penyelidikan, dalam kes ini di kalangan staf Universiti Malaya.
- Sebagai syarat untuk mendapatkan DrPH (Dokor Kesihatan Awam), bagi penyelidik.
- Publikasi hasil daripada kajian ini dijangka dapat menambahkan pengetahuan baru dalam bidang pemberhentian merokok, samada di Malaysia atau di luar negara.

### **Apakah Kesan negatif/ kelemahan yang mungkin akan dialami hasil daripada penyelidikan ini?**

#### **Kesan negatif/ kelemahan yang mungkin akan dialami:**

Peserta tidak dapat dijanjikan bahawa mereka akan berhenti merokok setelah tamat rawatan/ susulan, kerana ianya bergantung juga kepada faktor- faktor dalaman dan luaran, contohnya motivasi individu, keinginan untuk berhenti merokok dan pengaruh sekeliling.

#### **Maklumat ubat yang digunakan**

Ubat Gantian Nikotin adalah sejenis ubat yang terkenal dan selamat digunakan sejak sepuluh tahun yang lalu, dan telah lama mendapat kelulusan FDA, menandakan ianya selamat digunakan untuk proses berhenti merokok. Walaupun bagaimanapun, adalah sangat penting anda mengikut arahan seperti yang diarahkan oleh doktor penyelidik. Jangan sesekali menambah atau mengurangkan dosej tanpa arahan doktor penyelidik.

#### **Kesan sampingan Ubat**

Seperti apa jenis ubat sekalipun, kesan sampingan yang sangat minima mungkin akan dirasai oleh (5%) daripada peserta. Kesan sampingan biasa adalah sakit mulut sebab banyak mengunyah, sendawa dan angin. Sekiranya berlaku perkara yang tersebut di atas, anda dikehendaki menghubungi doktor penyelidik dengan segera bagi mendapatkan nasihat/ ubat-ubatan tambahan.

### **Bolehkah saya, menolak/ enggan untuk menyertai penyelidikan ini?**

Penyelidikan ini adalah secara sukarela.. Mana-mana peserta yang bercadang untuk menarik diri di pertengahan jalan juga tidak akan dikenakan sebarang denda atau tindakan sekiranya telah memberitahu penyelidik terlebih dahulu. Adalah diingatkan bahawa, peserta yang telah menarik diri di pertengahan jalan, tidak dapat dijanjikan akan diberikan ubat sehingga habis rawatan. Ini bergantung kepada bekalan ubat.

### **Siapakah yang patut saya hubungi sekiranya**

- saya ada soalan tambahan sepanjang penyelidikan ini?/ Saya mendapat apa-apa kesan sampingan daripada ubat? Nama doktor yang perlu dihubungi: Dr Siti Munira Yasin ; Tel: 019-2515325